

Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilisation Studies,
Universiti Islam Selangor (UIS)**
Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia
603-8911 7167 +603-8925 4402
info@kuis.edu.my
<https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad>



Pendekatan Reformasi Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1283-1332 H.) Terhadap Sosioagama Umat Islam di Syria


Jamāl al-Dīn al-Qāsimī's Reform Approach to the Socioreligious Affairs of Muslims in Syria

Ahmad Fariz Mohd Zaini , Umar Muhammad Noor   & Ahmad Junid Ihsan

To cite this article:

Mohd Zaini, A. F., Muhammad Noor, U., & Ihsan, A. J. (2025). Pendekatan Reformasi Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1283-1332 H.) Terhadap Sosioagama Umat Islam di Syria. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(1), 1464-1474. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i1.508>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i1.508>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:



<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/open>



Published online: 11 June 2025



Submit your article to this journal:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>



View related articles:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>



Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.



Pendekatan Reformasi Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1283-1332 H.) Terhadap Sosioagama Umat Islam di Syria

[Jamāl al-Dīn al-Qāsimī's Reform Approach to the Socioreligious Affairs of Muslims in Syria]

Ahmad Fariz Mohd Zaini ^{1*}, Umar Muhammad Noor ¹ & Ahmad Junid Ihsan²

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.

² Universiti al-Azhar al-Syarif, 11651 Kaherah, REPUBLIK ARAB MESIR.

* Corresponding Author: Ahmad Fariz Mohd Zaini. Faculty of Islamic Studies, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Farizsunni93@gmail.com (+60) 11-2066 2103. ORCID iD: <https://orcid.org/0009-0000-4048-727X>.

Keywords:

Jamāl al-Dīn al-Qāsimī,
'Uthmāniyya, Reformation,
Ijtihād, Taqlīd.

ABSTRACT

The division of Islam stemming from the weakness of the 'Uthmāniyya dynasty had a major impact on the socioreligious situation of Muslims in Syria. This study was carried out to study the approach used by Jamāl al-Dīn al-Qāsimī to address this issue. This is a qualitative study with data obtained from authoritative documents such as books, theses, newspapers, and magazines. Jamāl al-Dīn al-Qāsimī placed a strong emphasis on the use of the Quran and Sunnah as the main sources of law. He called for ijtihad and rejected the practice of taqlīd, urging Muslims to use their intellect to static thinking. In addition, he expanded traditional education with modern knowledge. This research reveals that Jamāl al-Dīn al-Qāsimī's approach to Syria's socio-religious context was not merely theoretical, but deeply practical, offering a model for broader Islamic reform. Future researchers should be able to conduct further studies related to these approaches. This study reveals various techniques to address the problem of the backwardness of the Islamic community, especially in challenging times.

Contribution: This study elicits a critical understanding of the thinking and role of Islamic reformists in saving Muslims. The proposed approaches will also help to build a harmonious, critical-thinking, and competitive Islamic society.

Kata Kunci:

Jamāl al-Dīn al-Qāsimī,
'Uthmāniyya, Reformasi,
Ijtihad, Taklid.

ABSTRAK

Perpecahan umat Islam pada era kelemahan dinasti 'Uthmāniyya telah memberikan impak besar terhadap keadaan sosioagama umat Islam di Syria. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji pendekatan yang telah digunakan oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsimī dalam menangani isu ini. Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif dengan data yang diperolehi daripada dokumen yang berautoriti seperti buku, tesis, akhbar dan majalah yang berkaitan. amal al-Dīn al-Qāsimī sangat menekankan penggunaan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber utama hukum. Beliau menyeru kepada ijtihad dan menolak taklid, sambil mendorong umat Islam untuk menggunakan intelektual mereka dan menghindari cara

berfikir yang beku. Selain itu, untuk meluaskan pendidikan tradisional, beliau memperkembangkannya dengan ilmu-ilmu pengetahuan moden. Penelitian ini telah mendedahkan pendekatan-pendekatan yang dibuat oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsimī terhadap keadaan sosioagama di Syria bukan hanya sekadar teori tetapi praktikal yang mendalam selain menawarkan model kepada masyarakat Islam umumnya untuk bangkit melakukan reformasi. Oleh yang demikian, kajian ini mengharapkan para pengkaji akan datang dapat melakukan kajian lanjutan berkaitan pendekatan-pendekatan ini. Kajian ini, menzahirkan pelbagai pendekatan untuk menyelesaikan masalah kemunduran umat Islam terutamanya di zaman yang penuh dengan cabaran.

Sumbangan: Kajian ini telah menjelaskan pemahaman yang kritis mengenai pemikiran dan peranan reformis Islam dalam menyelamatkan umat Islam terutamanya di zaman yang penuh dengan cabaran. Pendekatan-pendekatan yang dibawa juga dapat membantu untuk membina sebuah masyarakat Islam yang harmoni, berfikiran kritis dan berdaya saing.

ARTICLE HISTORY

Received: February 24, 2025

Revised: April 29, 2025

Accepted: June 10, 2025

Available Online: June 11, 2025

Published: June 11, 2025

This is an open access article under the CC BY-NC license.



To cite this article:

Mohd Zaini, A. F., Muhammad Noor, U., & Ihsan, A. J. (2025). Pendekatan Reformasi Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1283-1332 H.) Terhadap Sosioagama Umat Islam di Syria. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(1), 1464-1475. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i1.508>

I. PENDAHULUAN

Reformasi, berasal daripada perkataan bahasa Inggeris *re-form*, bermaksud membuat pembaharuan, membaiki dan memulih serta mengembalikan sesuatu setelah berlaku kemusnahan (Anon, 2008). Menurut Esa (2001) kemusnahan ini termasuklah kelemahan sesebuah institusi khalifah, tamadun Islam, pendidikan, ekonomi dan intelektual umat Islam. Tambahan lagi, reformasi juga diertikan sebagai perubahan atau pembaharuan yang mengarah kepada keadaan yang lebih baik (Anon, 2008). Selain itu, agenda reformasi di dalam Islam lebih dikenali sebagai *al-iṣlāḥ* yang bermaksud memperbaiki dan menyempurnakan sesuatu yang belum sempurna (Siradj, 2014). Adapun begitu, reformasi yang berlaku dalam Islam tidaklah mengubah prinsip-prinsip agama Islam, namun ia hanya merupakan sebuah agenda untuk kembali kepada pemahaman agama Islam yang sebenar (Esposito, 1995). Pada akhir abad ke-19, umat Islam telah dihipit dengan pelbagai cabaran termasuklah kegawatan ekonomi, kemandulan nilai ilmu dan kelemahan pemerintah khalifah 'Uthmāniyya (Kedourie, 1997). Menurut Anscombe (2010), kelemahan yang sangat ketara dalam pemerintahan khalifah 'Uthmāniyya pada akhir abad ke -19 disebabkan oleh kelembapan ekonomi, keadaan politik yang tidak kukuh serta campur tangan dan tekanan kuasa Barat. Kajian Ahmad Kamal, Salleh, Mokhtar, dan Shaharuddin (2023) menunjukkan bahawa kelemahan pada sistem pemerintahan dinasti 'Uthmāniyya juga telah menyebabkan krisis dan kemunduran bagi dunia Islam. Kehidupan umat Islam ketika itu tampak lesu dan pengamalan ajaran Islam sangat membimbangkan. Zaman kegelapan ini berlaku, juga disebabkan oleh pemahaman yang tidak sah berkaitan agama Islam, pengamalan sistem Islam yang tidak tepat serta kurangnya kekuatan dalam mengeluarkan ijtihad yang bersesuaian (Al-Nabhānī, 2002). Beberapa reformis termasuklah Jamāl al-Dīn al-Qāsimī mengusahkan sebuah reformasi bagi mengatasi kelemahan yang wujud (Moussalli, 1999).

Beberapa kajian menunjukkan usaha-usaha Jamāl al-Dīn al-Qāsimī untuk mengembalikan sinar Islam dilakukan dengan menolak budaya taklid dan mengusahakan budaya ijtihad dalam memahami ajaran Islam yang sebenar. Beliau juga turut mengkritik sikap jumud yang dimiliki oleh para ulama ketika itu yang menghalangi kemajuan umat Islam (Abazah, 1997). Menurut Commins (1990), pendekatan yang dibawa oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsimī telah menzahirkan kesan besar dalam membentuk semula pemikiran Islam. Kemunculan beliau merupakan satu usaha bagi memulihkan keadaan sosioagama umat Islam pada waktu itu dengan pendekatan-pendekatannya tersendiri. Walau bagaimanapun, Lapidus (2002) berpendapat bahawa pendekatan yang beliau lakukan belum dapat membawa perubahan besar pada waktu itu. Justeru, artikel ini berusaha menzahirkan empat pendekatan penting yang telah diaplikasi oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsimī dalam menangani isu-isu sosioagama umat Islam di Syria pada era kemerosotan pemerintahan *Uthmāniyya* sekali gus menjawab kritikan Lapidus.

Struktur artikel ini dimulakan dengan pendahuluan yang akan memuatkan sorotan-sorotan kajian lepas, permasalahan kajian, objektif kajian dan sistematika kajian. Perbincangan berikutnya disusuli dengan biografi al-Dīn al-Qāsimī yang merangkumi idea-idea reformasi termasuklah aspek-aspek yang menyebabkan beliau terdorong melakukan reformasi. Seterusnya kajian ini diteruskan dengan menghuraikan empat pendekatan yang digarapkan oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsimī dan diakhiri dengan kesimpulan perbahasan.

2. METODE PENELITIAN

Penelitian yang dijalankan ini, bertunjangkan kepada tinjauan kualitatif yang terbina di atas metode analisis dokumen. Ini disebabkan, metode kualitatif merupakan kaedah yang sesuai untuk meneliti sesuatu isu berkaitan sejarah dan kajian tokoh secara mendalam (Idris, Muhammad, & Ibrahim, 2018). Tambahan lagi untuk mengkaji agenda reformasi ini, pengkaji juga menggunakan metodologi sejarah untuk menilainya secara lebih kritis. Selain itu juga, proses pengumpulan data menerusi analisis dokumen dapat menghimpunkan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan topik kajian (Jasmi, 2012). Pengkaji juga akan dapat melihat perkaitan yang wujud antara perkataan, konsep atau tema daripada data-data kualitatif yang didapati (Nik, Salleh, Yusuf, Mohamed, & Noor, 2021).

Data-data yang diperolehi daripada dokumen yang berautoriti seperti buku, tesis, akhbar dan majalah yang berkaitan dengan Jamāl al-Dīn al-Qāsimī akan dianalisis secara mendalam. Tinjauan ini juga merujuk kepada *Jamāl al-Dīn al-Qāsimī wa-‘Asruh* yang tulis oleh anakanda beliau iaitu Zāfir al-Qāsimī kerana beliau merupakan seorang penulis yang banyak menulis berkaitan ayahnya. Dengan menggunakan tinjauan kualitatif yang dibantu oleh metode analisis dokumen, diharapkan mampu menjawab beberapa persoalan yang telah digariskan dalam penyelidikan berkaitan tokoh ini.

3. SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan tokoh-tokoh reformis Islam abad moden telah menjadi tumpuan penting dalam sejarah perkembangan pemikiran Islam, khususnya dalam konteks kebangkitan intelektual dan reformasi sosial di dunia Arab. Kebangkitan ini mula wujud setelah kejatuhan khalifah *Uthmāniyya* dan penjajahan kuasa barat (Hourani, 1983). Gerakan reformasi ini bukan hanya bersifat keagamaan tetapi juga menyentuh hubungan sosial, politik dan pendidikan umat Islam. Tokoh reformis Arab seumpama Jamāl al-Dīn al-Afghānī (1254-1314 H.) dan Muḥammad ‘Abduh (1265-1323 H.) telah melihat bahawa kelemahan umat Islam ketika itu adalah berpunca daripada pemikiran yang jumud, kelemahan fungsi institusi keagamaan dan sikap pasif terhadap kolonialisme (Voll, 1994).

Reformasi merupakan sebuah usaha mengukuhkan pemahaman asas-asas rohani dan intelektual umat Islam melalui pemikiran yang kritis dan pemahaman ajaran agama Islam yang tulen (Kamali, 2005). Menurut Esposito (2003), agenda reformasi yang berlaku di wilayah-wilayah Arab khususnya adalah merupakan pertembungan di antara pendekatan tradisional dan arus pemodenan. Hal ini dapat dilihat melalui kepatuhan umat Islam terhadap konsep taklid kepada mazhab-mazhab tertentu sahaja tanpa berhajat kepada keperluan elemen ijtihad. Muḥammad ‘Abduh antara reformis Islam ketika itu, telah mengkritik pendekatan ini sebagai penghalang kepada keupayaan umat Islam, khususnya dalam menangani cabaran intelektual era moden (Hourani, 1983).

Tambahan lagi, kebanyakan masyarakat Arab ketika itu hanya tertumpu kepada pengajian yang berpusatkan guru di sekitar masjid-masjid sahaja (Hourani, 1983). Walau bagaimanapun, seawal abad ke-19, para

reformis Islam telah berusaha untuk menyediakan model pendidikan yang lebih dinamik untuk bertindak balas terhadap perubahan besar yang dibawa oleh penjajahan Barat, perindustrian, dan kemajuan sains. Sebagai contoh, usaha ini dapat dilihat melalui langkah yang diambil oleh Muḥammad ‘Abduh untuk memodenkan Universiti Al-Azhar Al-Syarif. Beliau telah memberikan penekanan penting terhadap pemikiran kritis, adaptasi ilmu falsafah dan aktiviti penafsiran semula teks-teks ilmu Islam berdasarkan pengetahuan baru bagi mencerminkan kemajuan pendidikan Islam (Yusuf, 2012). Justeru agenda reformasi bukanlah penolakan terhadap tradisi, akan tetapi ia merupakan satu inisiatif untuk menghidupkan tradisi berdasarkan realiti yang baharu.

Namun, dalam konteks umat Islam di Syria, keadaan sosioagama lebih cenderung kepada pengaruh amalan Sufisme, termasuklah pengamalan *ṭarīqah*, ziarah makam para wali, serta amalan tawassul (Weismann, 2001). Tambahan pula, kebangkitan pemikiran intelektual di Barat turut memberikan implikasi besar terhadap Syria, termasuk menyumbang kepada kemerosotan kedudukan sarjana Islam. Dalam usaha untuk mengembalikan keaslian ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah, gerakan reformasi telah digerakkan oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsimī. Walau bagaimanapun, gerakan reformasi ini turut berdepan dengan pelbagai cabaran dalam menyeimbangkan tuntutan perubahan di antara norma keagamaan dan budaya masyarakat Islam setempat (Esposito, 2003). Oleh itu, Jamāl al-Dīn al-Qāsimī berusaha menjelaskan bahawa Islam bukan hanya sebagai akidah, akan tetapi ia juga merupakan gaya hidup yang menyeluruh termasuklah pemerintahan, pendidikan, akhlak dan keadilan (Weismann, 2001). Keberanian yang ditonjolkan oleh beliau, telah dipuji oleh Rashīd Riḍā (1282-1354 H.) dalam majalah *al-Manār* (Riḍā, 1914).

4. DAPATAN KAJIAN

Pendirian Jamāl al-Dīn al-Qāsimī berkaitan reformasi merupakan kesan daripada gerakan-gerakan reformasi yang telah wujud pada zamannya. Tambahan lagi, personaliti dan gaya yang beliau tunjukkan telah menggambarkan tanda-tanda seorang tokoh reformasi. Justeru, penulisan ini akan memaparkan biografi berkaitan Jamāl al-Dīn al-Qāsimī dan empat pendekatan reformasi yang diterapkan oleh beliau terhadap sosioagama umat Islam di Syria.

4.1 Biografi Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1283-1332 H./1866-1914 M.)

Nama lengkap beliau ialah Abū al-Faraj Muḥammad Jamāl al-Dīn bin Muḥammad Sa‘īd bin Qāsim bin Šāliḥ bin Ismā‘īl bin Qāsim Abī Bakr al-Qāsimī (Al-Qāsimī, 2012). Beliau berasal dari keturunan Rasulullah SAW melalui jalur ‘Abd al-Qādir al-Jaylānī al-Baghdādī (Al-‘Ajmī, 1999). Gelaran al-Qāsimī dikaitkan dengan datuknya yang bernama Qāsim bin Šāliḥ yang merupakan salah seorang ulama besar di Syam (Al-Qāsimī, 2012). Beliau dilahirkan pada Isnin 8 Jamadilawal 1283 H. bersamaan 17 September 1866 M. di Damsyik ibu kota Syria (Al-Ziriklī, 2002). Tambahan lagi, tokoh ini sempat berada di bawah pemerintahan beberapa orang khalifah dinasti ‘Uthmāniyya. Antaranya adalah Sultān ‘Abd al-‘Azīz bin Maḥmūd (1861-1876 M.), Sultān Murād V bin ‘Abd al-Majīd (1876-1876 M.), Sultān ‘Abd al-Ḥamīd II bin ‘Abd al-Majīd (1876-1909 M.), dan yang terakhir Muḥammad Rāshid V bin ‘Abd al-Majīd (1909-1918 M) (Fārīq Bīk, 1879).

Kewafatan para pemimpin khalifah ‘Uthmāniyya telah menyebabkan pemerintahan mula lemah dan kestabilan pemerintahannya mula goyah (Al-Šallābī, 2003). Tambahan lagi, kejatuhan pemerintahan ‘Uthmāniyya dilihat sangat teruk apabila dipimpin oleh Sultān Murād V yang hanya memerintah sekitar 94 hari sahaja (Mantran, 1996). Ini kerana kemewahan dan kesenangan yang dimiliki oleh beliau membuatkan dirinya lalai serta mudah ditipu oleh musuhnya. Selain itu, faktor utama yang menyebabkan beliau diturunkan daripada takhtanya adalah beliau mengalami tekanan jiwa yang teruk. Rentetan itu, hilanglah kelayakkan beliau untuk menjadi khalifah bagi pemerintahan ‘Uthmāniyya (Al-Šallābī, 2003). Kerusi khalifah diteruskan dengan melantik Sultān ‘Abd al-Ḥamīd II bin ‘Abd al-Majīd pada tahun 1876 M. Kekuasaan pemerintahan ketika itu bagaikan nyawa dihujung tanduk dengan serba serbi kekurangan. Hubungan empayar ‘Uthmāniyya bersama pihak luar dilihat terputus dan warisan serta kekayaannya telah dirompak (Al-Khaṭīb, t.th.). Kemerosotan ini mula merebak membuatkan semua jenis kebebasan mula hilang dan tangan yang dahulunya menulis segala ilmu telah digari kuat. Masyarakat awam dizalimi, mata-mata pemerintah bertebaran dan sistem kehakiman mula disogok dengan rasuah (Zāfir al-Qāsimī, 1965).

Kejahilan umat Islam di Syria mencapai tahap yang menakutkan sehingga seorang demi seorang di antara mereka tidak tahu membaca, menulis dan mengira (Al-Khaṭīb, t.th.). Menurut Kūrdī ‘Alī (2014), kota Damsyik ketika itu tidak memiliki doktor yang sah, ahli farmasi yang sah, dan ahli undang-undang yang telah

mempelajari cabang undang-undang dengan betul. Wabak sekularisme juga telah menular di Damsyik tetapi masih belum mencapai tahap pemisahan yang mutlak antara agama dan politik. Namun ia hanyalah berkait tentang kepercayaan kepada agama yang sudah mula longgar ketika pengakhiran pemerintahan dinasti *Uthmāniyya* di Syria (Williams, 1981). Implikasi daripada wabak ini, umat Islam telah mengalami perubahan dalam melakukan sesuatu amalan dan budaya. Selain itu juga, wabak ini telah menyebabkan wujudnya jurang pemisah antara aspek keilmuan dan nilai spiritual dalam agama secara mendalam (Sudi, Md Sham, & Yama, 2017). Dahulunya para sarjana Islam mendominasi budaya berkarya dalam penghasilan ilmu yang benar. Adapun ketika serangan sekularisme ini menular, para jurnalis dan wartawan juga mula terlibat dengan usaha penghasilan penulisan terutama berupa penemuan saintifik, faktor-faktor kemajuan dan politik. Hal ini berlaku, bukan sahaja berpunca oleh kemajuan yang dicapai oleh Barat, tetapi juga berpunca daripada kemelut dalaman yang melanda umat Islam, dan seterusnya menjadikan kelemahan umat Islam semakin parah (Norahida, Mat Mohamad, Ismail, & Hanafy, 2017).

Dalam keadaan tersebut, muncul tokoh-tokoh reformasi seumpama 'Abd al-Razzāq al-Bayṭār, Aḥmad al-Ḥusnī al-Jazā'irī dan lain-lain di bumi Syria. Jamāl al-Dīn al-Qāsimī juga turut berperanan sebagai salah seorang tokoh utama dalam agenda reformasi pada ketika itu. Melalui pendekatan yang tertentu, beliau dilihat berusaha untuk menyelesaikan ketegangan yang melanda sosioagama umat Islam di Syria pada era kelemahan khalifah *Uthmāniyya*. Ini jelas memperlihatkan kepentingan seruan kebangkitan yang bertujuan mengembalikan semula kesedaran umat Islam yang berusaha menemukan solusi yang ampuh dan berkesan bagi menangani cabaran besar yang bawa oleh tamadun barat moden (Al-Attās, 1972). Usahan reformasi Jamāl al-Dīn al-Qāsimī bermula dengan pembacaan *Kashf al-Ghumma* karya 'Abd al-Wahhāb al-Sha'rānī bersama sekumpulan ulama Syria. Dalam waktu yang sama, perbincangan berkaitan ilmu tafsir, hadis dan pendapat para ulama berkaitan sesuatu hukum sengit diperbincangkan (Al-Iṣṭanbūlī, 1984). Pertemuan itu telah dilaporkan kepada Uthmān Nūrī Pāshā selaku Gabenor ketika itu (Zāfir Al-Qāsimī, 1965), akibatnya, beliau ditahan atas tuduhan berusaha berjihad melibatkan isu-isu fekah yang telah disepakati. Beliau turut dituduh mengada-adakan perkara-perkara yang baharu dalam agama dan dikenakan pertuduhan-pertuduhan palsu sehingga dikecam berkali-kali oleh Gabenor ketika itu (Al-Iṣṭanbūlī, 1984). Peristiwa ini menjadi pengalaman pahit yang meninggalkan kesan yang mendalam pada emosi beliau (Sarmīnī, 2010).

Dugaan ini memberikan kesan besar kepada Jamāl al-Dīn al-Qāsimī khususnya dalam pembentukan pendekatan reformasinya. Beliau mula dikenali dan diterima oleh masyarakat setempat. Walaupun dihujani dengan pelbagai ujian dan kesulitan, beliau sentiasa diyakinkan oleh gurunya al-Shaykh Aḥmad al-Khānī bahawa apa yang dilaluinya akan membawa kepada kejayaan suatu hari nanti (Zāfir al-Qāsimī, 1965). Malahan Jamāl al-Dīn al-Qāsimī bersyukur kerana kedudukan beliau semakin meningkat selepas insiden itu berlaku. Kesannya, beliau semakin menumpukan perhatian kepada penghasilan karya ilmiah sebagai medium untuk menyebarkan pemikirannya. Antara karya penting yang dihasilkan oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsimī ialah, *Ḥayā al-Bukhārī*, *Tafsīr Maḥāsīn al-Ta'wīl*, *Dalā'il al-Tawḥīd*, *Qawā'id al-Taḥdīth*, serta banyak lagi karya lain yang mencerminkan ketajaman ilmunya dalam pelbagai disiplin ilmu (Abazah, 1997).

Penyebaran ideologi Jamāl al-Dīn al-Qāsimī turut disebarikan melalui medan khutbah dan majlis-majlis ilmu. Semenjak itu, beliau sentiasa merujuk pendapat-pendapat ulama salaf yang menyamai dengan misi dan visi reformasinya, kerana beliau yakin dan percaya bahawa jika terdapat kritikan yang menentang pandangannya, mereka tidak dapat menolak pendapat-pendapat ulama terdahulu (Zāfir al-Qāsimī, 1965). Lanjutan daripada itu, apabila ujian yang kuat melanda dirinya, beliau akan sentiasa berusaha menjauhinya sehingga reda, dan kembali semula untuk meneruskan dakwahnya (Abazah, 1997). Beliau juga sering bertemu dengan para pengkritiknya dalam kalangan ahli bidaah untuk berbincang dan menasihati mereka secara berhikmah (Zāfir al-Qāsimī, 1965). Antara idea-idea yang membuatkan beliau kuat untuk meneruskan agenda reformasi ini adalah usaha untuk mengembalikan bimbingan ulama salaf serta menyeru umat Islam kepada akidah yang sebenar dan penolakan kepada unsur-unsur bidaah. Tokoh ini juga serius dalam pembentukan semula kefahaman al-Quran dan Sunnah yang asli. Selain itu, kemunduran yang berlaku dalam dunia umat Islam telah mendorong beliau untuk menyeru kepada konsep ijtihad dan pembaharuan dalam pendidikan agama Islam sebagai langkah utama untuk mengatasi kemunduran tersebut (Soude, 2024).

Semangat dan kekuatan beliau telah membawa beliau menyertai tokoh-tokoh besar gerakan reformasi ketika itu seperti 'Abd al-Razzāq al-Bayṭār (1253-1330 H.), Tawfiq Ayyūbī, Muṣṭafā al-Ḥallāq, Sa'īd al-Farrā' dan ramai lagi (Ab Rahim, Abd Razzak, & Ruslan, 2020). Gerakan-gerakan reformasi seumpama ini, dilihat sentiasa berusaha menggalakkan para sarjana Islam untuk berjihad dan tidak hanya berpegang kepada konsep taklid sahaja. Di samping itu, beliau telah mengambil peluang ini untuk meniuapkan agenda reformasi bagi menyuntik kembali semangat umat Islam sehingga mampu bersaing dengan kemajuan Barat serta membawa perubahan besar dalam pemikiran umat Islam khususnya pada pasca kebekuan dan kejatuhan Islam. Beliau juga sangat optimis dalam berdakwah dan menyebarkan ilmu khususnya kepada masyarakat awam yang berada di

dalam kawasan kampung-kampung pendalaman tanpa mengharapkan sebarang imbuhan demi menegakkan kalimah Allah dan kelangsungan dakwah Islam (Al-Iṣṭanbūlī, 1984).

Jamāl al-Dīn al-Qāsimī menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 23 Jamadilawal 1332 H. Berita kewafatan beliau juga ditangisi oleh para pencinta ilmu dan peminat perubahan keadaan masyarakat di Beirut, Mesir dan Iraq (Sarmīnī, 2010).

4.2 Penekanan Kepada al-Quran dan Sunnah

Jamāl al-Dīn al-Qāsimī berusaha menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama ketika menjalankan usaha dakwah tanpa menolak potensi akal untuk menafsirkan keduanya. Beliau juga tidak bergantung kepada mazhab-mazhab tertentu, akan tetapi lebih memilih dalil-dalil yang kuat bagi setiap ijtihadnya. Beliau tegas menyatakan asas bagi setiap ketetapan agama ialah al-Quran kerana ia adalah prinsip asas dan sumber bagi setiap hukum agama (Al-Qāsimī, 1914). Beliau bekerja keras untuk menghubungkan umat dengan pembawaan mazhab *salafī* serta menyebarkan sunnah kepada masyarakat awam dengan bersandarkan kepada tokoh-tokoh besar seumpama al-Bukhārī dan Muslim (Al-Iṣṭanbūlī, 1984). Adapun setiap penafsiran al-Quran juga, beliau sentiasa berpegang dengan sumber yang sahih dan diiktiraf. Segala sandaran dan rujukan yang diberikan oleh beliau sesuai dengan kehendak al-Quran, sunnah, pandangan para ulama dan kitab-kitab rujukan yang tulen (Ab Rahim et al., 2020).

Usaha ini dilakukan bertujuan menyebarkan agama Islam yang sebenar, memegang kukuh kepada prinsip-prinsip yang disepakati oleh para sarjana Islam, menolak penyucian serta ikutan membuta tuli kepada sesiapa (Sarmīnī, 2010). Ini kerana pengamalan agama Islam yang menyimpang jauh daripada fahaman al-Quran dan sunnah yang tepat dapat merosakkan nilai agama Islam itu sendiri. Rentetan itu, beliau telah mengutamakan agenda menentang perkembangan amalan-amalan yang bertentangan dengan agama Islam seperti amalan-amalan bidaah dalam teras reformasinya. Beliau yakin dan percaya bahawa menghapuskan kepercayaan yang karut adalah kunci kepada kebenaran walaupun beliau akan dihujani pelbagai cabaran yang sangat kuat untuk menentang golongan ini (Al-Qāsimī, 1983). Walau bagaimanapun beliau tidak berputus asa dalam menzahirkan kesesatan dan kesalahan mereka. Beliau juga menentang beberapa pandangan dominan dan lemah dalam agama Islam, terutamanya dalam hal berkait amalan agama dan politik, serta mencadangkan penyelesaian dalam masyarakat Islam (Commins, 1990).

Keilmuan beliau dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah terserlah melalui pelbagai karya yang dihasilkannya. Antara karya utama beliau termasuk *Tafsīr Mahāsīn al-Takwīl*, *Qawā'id al-Tafsīrīya*, *al-Tolī' al-Mas'ūd 'alā Tafsīr Abī Su'ūd*, *Qānima al-Himma 'alā Khasf al-Qumma*, dan *Qawā'id al-Tahdīth*. Karya-karya ini menjadi bukti kesungguhan beliau dalam menegakkan kefahaman Islam yang tulen (Sarmīnī, 2010). Terutamanya dalam *Tafsīr Mahāsīn al-Takwīl* yang juga dikenali sebagai *tafsīr al-Qāsimī*, beliau memberikan penjelasan yang sangat jelas dan tidak memasukkan unsur-unsur *isra'īliyyā* dan pandangan yang lemah (Ab Rahim et al., 2020).

4.3 Memartabatkan Akal dalam Menafsirkan Syariat

Selain menekankan kepentingan nas al-Quran dan al-Sunnah, Jamāl al-Dīn al-Qāsimī juga memberikan penjelasan terperinci mengenai keharmonian antara akal dan wahyu. Beliau menegaskan bahawa akal yang sihat dan rasional seharusnya mampu menyelesaikan sebarang pertentangan yang timbul antara akal dan wahyu. Ini kerana akal tidak boleh bertentangan dengan wahyu, kerana fungsi akal adalah menetap, menghantar, dan memelihara wahyu. Untuk memudahkan pemahaman, akal manusia itu berfungsi untuk mendapatkan kebaikan daripada agama (Al-Qāsimī, 1983). Tambahan pula, konsep akal sering juga dikaitkan dengan dengan rasionaliti, iaitu apa-apa sahaja pendapat yang boleh diterima oleh akal untuk dijadikan sebagai ilmu pengetahuan atau sesebuah justifikasi (Lacey, 1996). Adapun logik pula ialah sesuatu yang diterima akal (Hassan, 2017).

Ketika membentangkan bukti kewujudan tuhan, menyangkal idea materialis, dan menjelaskan hubungan antara akal dengan wahyu, Jamal al-Dīn al-Qāsimī menghimpunkan segala bukti yang diperolehi daripada karya ahli falsafah dan ulama muslimin, termasuklah Ibn Rushd (w. 595 H.), al-Ghazālī (w. 505 H.), Ibn Taymiyyah (w. 728 H.), Ibn Ḥazm (w. 456 H.), Mullā Ṣadrā (w. 1059 H.), dan Jamal al-Dīn al-Afghānī (w. 1314 H.) (Al-Qāsimī, 1997). Beliau juga melihat akal sebagai kuasa intelektual yang digunakan oleh manusia untuk memahami pelbagai teks, kehidupan manusia dan alam semulajadi. Konsep akal jauh berbeza daripada konsep logik, di mana akal adalah asas utama untuk semua kebenaran. Dengan kata lain, pengetahuan logik adalah relatif yang sentiasa bergantung atau berkait dengan keadaan, situasi, atau objek lain untuk melakukan penilaian. Oleh itu, bagi al-Qāsimī, pengetahuan logik sememangnya tidak stabil dan terdedah kepada perubahan serta menjadikannya asas yang tidak mencukupi untuk mentafsir wahyu (Commins, 1990).

Sebagai ulasan semula, Jamāl al-Dīn al-Qāsimī berkeyakinan bahawa akal merupakan anugerah kepada manusia untuk menafsir dan menghayati nas-nas wahyu, baik dari al-Quran mahupun al-Sunnah, dengan cara yang tepat dan berkesan. Kata beliau lagi, ketika mengkaji berkaitan dunia dalam usaha membangunkan teknologi moden, manusia secara umumnya diberikan kuasa akal sebebannya, namun begitu beliau turut berpegang dengan ucapan ‘Abd al-Qādir al-Jazā’irī (w. 1300 H.) bahawa manusia telah melalui tahap pemikiran yang lebih rendah seperti pemikiran kanak-kanak dan kini telah memasuki era di mana akal dan rasional harus menjadi penguasaan utama dalam cara berfikir dan bertindak. Oleh itu, beliau percaya bahawa manusia kini berada di tahap yang lebih matang dalam sejarah pemikiran, di mana rasionalisme juga menjadi asas untuk memahami dunia dan agama (Al-Qāsimī, 1908).

Tambahan lagi, para pemikir muslim juga bergelut dengan cabaran ideologi baru daripada Barat berkaitan perkembangan sains dan teknologi di Eropah. Oleh itu, beliau berusaha untuk mengatasi tekanan tersebut dengan menghidupkan semula sumber-sumber intelektual Islam yang sudah lama terabai (Commins, 1990). Pendekatan ini mencerminkan usahanya untuk mengimbangi antara tradisi Islam dan tuntutan zaman moden tanpa meninggalkan asas-asas agama.

4.4 Menolak Taklid dan Mendorong Ijtihad

Jamāl al-Dīn al-Qāsimī pernah menulis dalam buku catatan yang disimpannya bahawa taklid adalah penyakit kusta yang telah tersebar luas di kalangan manusia. Menurut beliau lagi, taklid adalah sesuatu yang bertentangan dengan seruan Islam yang mengajak kepada renungan, pemikiran, dan pengkajian (Abazah, 1997). Taklid juga merupakan salah satu elemen dalam kajian hukum-hukum Islam. Kelahiran pendekatan ini dikesan seawal zaman imam-imam mazhab, dimana para pengikut ketika itu tidak lagi melakukan ijtihad tetapi cukup mengikuti apa yang telah ditetapkan oleh imam-imam mazhab sebelumnya (Syarifuddin, 2012). Walaupun pada dasarnya, mengikut pandangan *fuqahā’* terdahulu, hukum taklid adalah dibenarkan. Namun perlu diperhalusi bahawa taklid terbahagi kepada dua kategori dengan dua hukum yang berbeza iaitu taklid terpuji dan taklid tercela. Taklid yang terpuji merujuk kepada amalan orang-orang yang tidak mampu berijtihad, terutama dalam perkara yang telah ditetapkan hukumnya oleh ulama yang berkelayakan. Manakala, taklid yang tercela pula timbul dalam dua keadaan iaitu apabila seseorang itu mengikuti pandangan yang bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah serta mengikuti pendapat seseorang yang tidak mempunyai kelayakkan dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan agama. Seumpama seseorang meminta pandangan dan keputusan sesuatu hukum daripada orang yang jahil (Al-Jawziyyah, 1968). Jamāl al-Dīn al-Qāsimī bangkit untuk menghapuskan penyakit ini kerana ia adalah penyakit yang mudah berjangkit. Beliau juga berpendapat bahawa golongan-golongan yang fanatik kepada mazhab dapat mencetuskan perpecahan dan memberi kesan berbahaya kepada masyarakat (Zāfir al-Qāsimī, 1965).

Tokoh reformasi ini juga percaya bahawa taklid ini akan membawa umat Islam kepada persaingan yang tidak sihat, malah dalam sesetengah keadaan, ia mampu mencetuskan permusuhan dan perpecahan. Dalam hal ini, beliau memetik ucapan Ibn Taymiyyah bahawa taklid akan menghilangkan fungsi akal manusia. Sikap fanatik kepada mazhab dilihat menjadi penghalang antara manusia dan kebenaran kerana sikap ini hanya mempercayai apa yang dibawa dan dipegang oleh seseorang tokoh yang dipanuti sahaja (Zāfir al-Qāsimī, 1965). Beliau juga mencemuh idea bahawa setiap orang mesti merujuk semua keputusan daripada imam-imam mazhab sebagai satu kejahilan dan kesesatan yang jelas (Al-Qāsimī, 1914).

Sebagai tambahan kepada isu ini, taklid juga telah membebankan umat Islam kerana ketetapan-ketetapan itu bersifat kaku yang telah dibuat pada zaman sebelumnya. Buktinya, beliau sering melawat sekitar kota Damsyik dan pusat-pusat daerah berdekatan, malangnya masih wujud wanita-wanita yang suami mereka berhijrah ke Amerika tanpa memberikan nafkah atau melantik wali yang sah untuk mereka. Apabila mereka cuba membatalkan perkahwinan mereka selepas bertahun-tahun tanpa kebenaran daripada suami mereka, hakim menolak berdasarkan mazhab Hanafi yang diamalkan di sana. Oleh itu, beliau mencadangkan bahawa penyelesaian bagi masalah ini terletak pada pendapat undang-undang *Shaykh al-Islām* ketika itu. Beliau juga membuat kesimpulan bahawa hakim yang bermazhab Hanafi boleh mengeluarkan keputusan mewakili mazhab-mazhab yang lain. Hal ini kerana mazhab Syafii, Hambali, dan Maliki membenarkan pembatalan perkahwinan ketika berlaku kesusahan kepada seorang isteri. Dengan itu, hakim sudah mempunyai alasan yang kukuh untuk membatalkan perkahwinan isteri yang ditinggalkan itu. Isu ini juga telah menunjukkan bahawa taklid menyebabkan penderitaan kepada seseorang isteri akibat kejahilan (Al-Qāsimī, 1913).

Keadaan politik, sosial dan ekonomi yang sentiasa berubah-ubah dalam masyarakat telah memaksa para *fuqahā’* berijtihad untuk menyelesaikan kes-kes yang bersifat lebih baharu namun ironinya perubahan tersebut hanya berlaku mengikut kaedah dan prinsip sesebuah mazhab dan kerangka yang telah ditentukan oleh mazhab yang diikuti sahaja (Hallaq, 1984). Beliau membantah sekeras-kerasnya pandangan *fuqahā’* untuk berpegang

teguh kepada mazhab yang tertentu kerana sikap mengikut kepada mana-mana usul mazhab yang ketat telah menghalang pemahaman agama yang bersifat lebih luas dan menyeluruh (Commins, 1990). Oleh itu, beliau mencadangkan agar dihidupkan semula ilmu *al-Baḥth wa al-Munāzara* yang bertujuan mengasah kemampuan berfikir kritis dalam kalangan *fuqahā* ketika mencari jawapan kepada isu-isu yang kompleks dan meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah (Al-Qāsimī, 1908). Kritikan terhadap budaya taklid dan dakwaannya untuk berjihad telah membentuk asas kepada reformasi masyarakat Islam pada zamannya (Abazah, 1997).

4.5 Inovasi dalam Pendidikan

Kecintaan Jamāl al-Dīn al-Qāsimī kepada dunia pendidikan tidak terhenti kepada ilmu-ilmu *sharī'ah* dan bahasa Arab sahaja. Beliau berhasrat tinggi untuk memajukan diri dan ilmunya sebagai ensiklopedia yang sempurna bagi umat Islam (Sarmīnī, 2010). Beliau turut menggesa murid-muridnya supaya mempelajari semua ilmu termasuklah ilmu-ilmu yang bersifat duniawi sambil mengungkapkan bahawa “Eropah telah berjaya mengalahkan kita dan menguasai kita hanya kerana kita terlalu bergantung kepada kehebatan mereka dalam sains dan teknologi sementara kita mengabaikan keperluan untuk menguasai ilmu ini.” (Al-Iṣṭanbūlī, 1984). Jamāl al-Dīn al-Qāsimī mengaplikasi ilmu-ilmu moden pada zamannya dalam masalah-masalah tertentu. Beliau menggunakan ilmu sains biologi bagi membuktikan nasab sesebuah keturunan (Al-Qāsimī, 1913). Penjelasan oleh para ahli astronomi (falak) berkaitan bentuk bumi dan pergerakannya juga dimuatkan dalam penulisan beliau (Al-Qāsimī, 1908). Selain itu, pendekatan modenisasi dalam pendidikan juga, dapat diperhatikan apabila beliau telah memasukkan ilmu-ilmu yang terkini seperti geologi, fisiologi, matematik dan kejuruteraan untuk menyangkal ideologi golongan Ateis (Al-Qāsimī, 1908).

Kegagalan ulama untuk memahami dan menafsirkan agama seiring dengan keperluan zaman telah menyebabkan para pemerintah menjadikan undang-undang Eropah sebagai ikutan. Oleh itu, beliau menyeru para pemerintah di zamannya untuk menjadikan ulama yang benar-benar memahami agama sahaja sebagai panutan umat Islam. Hal ini disebabkan, hanya ulama-ulama ini sahaja yang dapat membimbing masyarakat untuk berkembang maju. Beliau turut juga memberi kritikan kepada para ulama yang tidak mampu menyesuaikan hukum-hukum Islam sejajar dengan peredaran zaman (Commins, 1990).

Tambahan lagi, beliau berusaha untuk mendorong umat Islam di zamannya mempelajari dan menguasai bahasa-bahasa asing dengan harapan melalui penguasaan bahasa-bahasa asing dapat membuka mata dan pemahaman yang lebih jauh berkaitan inovasi dan perkembangan ilmu yang sedang berlaku di dunia. Justeru, beliau sangat yakin jika bahasa asing dapat dipelajari dan difahami dengan baik maka ia membawa kepada kemajuan secara global walaupun beliau sendiri tidak menguasainya secara menyeluruh (Zāfir al-Qāsimī, 1965).

5. KESIMPULAN

Jamāl al-Dīn al-Qāsimī telah menonjolkan watak sebagai seorang penggerak perubahan yang berperanan terhadap usaha kebangkitan umat Islam pada akhir abad ke-19 khususnya terhadap keadaan sosioagama umat Islam di Syria. Pendekatan pertama yang beliau laksanakan adalah menekankan al-Quran dan Sunnah sebagai tonggak asas pembaharuannya. Pendekatan ini menggalakkan masyarakat Islam sentiasa mengutamakan sumber yang berautoriti iaitu al-Quran dan Sunnah, sekali gus menjauhi amalan-amalan bidaah. Pendekatan kedua pula melibatkan penggunaan akal dalam mentafsir ajaran Islam.

Beliau juga menggesa masyarakat Islam menggunakan akal yang dianugerahkan oleh Allah SWT sebaik mungkin untuk memahami agama. Melalui karyanya seperti *Mahāsin al-Ta'wīl*, beliau menunjukkan bagaimana tafsiran yang berakar daripada al-Quran, Sunnah dan akal dapat membawa kepada penjelasan yang lebih baik. Dalam istilah moden, pendekatan ini menggalakkan masyarakat Islam khususnya di Syria untuk sentiasa berfikir secara kritis dan mengelakkan diri daripada unsur dogmatisme. Adapun pendekatan ketiga, beliau telah menggesa umat Islam untuk menolak amalan taklid dan mendorong melakukan ijtihad. Ini merupakan langkah berani dalam mencabar kebekuan dalam perundangan Islam. Jamāl al-Dīn al-Qāsimī berhujah bahawa terlalu bergantung pada pendapat imam mazhab tanpa mengambil kira perubahan konteks telah membantutkan kreativiti dan menghalang kemajuan umat Islam. Dengan menganjurkan ijtihad, beliau menggalakkan para ulama untuk terlibat secara aktif dengan isu-isu sosial yang muncul, seterusnya akan menjadikan perundangan Islam sebagai disiplin yang hidup dan berkembang. Manakala pendekatan keempat telah memfokuskan kepada pembaharuan pendidikan sebagai wahana transformasi masyarakat.

Jamāl al-Dīn al-Qāsimī menyedari bahawa perubahan yang mampan memerlukan umat yang berilmu dan berpengetahuan luas. Oleh itu, projek reformasi Jamāl al-Dīn al-Qāsimī bukan sekadar teori tetapi praktikal

yang mendalam sehingga kebanyakan tokoh reformis Islam dari dalam dan luar Syria seumpama Muḥammad ‘Abduh, al-Bayṭār dan Rashīd Riḍā telah mengiktiraf kekuatan beliau. Dengan kebijaksanaannya, beliau telah membuka ruang dan peluang bagi dunia Islam untuk terus kukuh dan sesuai diamalkan di tengah tengah arus pemodenan tanpa menghilangkan asas agama Islam.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah di atas sokongan padu sepanjang proses penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah hasil sumbangan ilmiah daripada tiga orang penyelidik. Ahmad Fariz Mohd Zaini telah menentukan metode kajian, mengumpul dan menganalisa data. Manakala Umar Muhammad Noor dan Ahmad Junid Ihsan telah melakukan pengesahan data yang terkumpul serta memastikan metode yang diguna adalah bersesuaian dan mencapai objektif yang dikehendaki.

RUJUKAN

- Al-‘Ajmi, M. N. (1999). *Al-Qāsimī wa nubūghuhum fī al-‘ilm wa al-taḥṣīl*. Beirut, Lebanon: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah.
- Ab Rahim, N. M. Z., Abd Razzak, M. @ M., & Ruslan, H. (2020). Gaya pentafsiran Jamal Al-Din Al-Qasimi dalam Tafsir Mahasin Al-Ta’wil. *e-Proceeding of The 2nd International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith* (THIQAH 2020). Dicapai daripada https://conference.uis.edu.my/thiqah/images/eprocsiding2020/eproceedingthiqah20_016_GAYA-PENTAFSIRAN-JAMAL-AL-DIN-AL-QASIMI.pdf
- Abazah, N. (1997). *Jamāl al-Dīn al-Qāsimī: Aḥad ‘ulamā’ al-iṣlāḥ al-ḥadīth fī al-Shām*. Damsyik, Syria: Dār Qalam.
- Ahmad Kamal, A. A., Salleh, N., Mokhtar, R., & Shahrudin, S. (2023). Konsep kejatuhan peradaban Islam menurut Islamis, Modernis dan Orientalis pada abad ke-18 hingga ke-20. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 4, 436-449. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2023.71>.
- Al-Attās, S. H. (1972). *Modernization and social change*. Sydney, Australia: Angus and Robertson Publisher.
- Anon. (2008). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Edisi ke-4. Selangor, Malaysia: Oxford Fajar.
- Anscombe, F. (2010). *Islam and the age of ottoman reform. Past & Present*, 208(1), 159-189. Dicapai daripada <https://academic.oup.com/past/article-abstract/208/1/159/1455550>.
- Commins, D. D. (1990). *Islamic reform: Politics and social change in late Ottoman Syria*. New York, NY: Oxford University Press.
- Esa, K. (2001). *Konsep tamadun Islam, sains dan teknologi*. Johor Bahru, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Esposito, J. L. (1995). *The Oxford encyclopedia of the modern Islamic world*. New York, NY: Oxford University Press.
- Esposito, J. L. (2003). *The Islamic world: Past and present*. New York, NY: Oxford University Press.
- Fārīq Bīk, M. (1879). *Tarīkh al-dawlah al-‘āliyah al-‘uthmāniyya*. Kaherah, Mesir: Maṭba‘ah Muḥammad Afandī Muṣṭafā.
- Hallaq, W. B. (1984). Was the gate of ijtihad closed? *International Journal of Middle East Studies*, 16(1), 3-41. Dicapai daripada <https://www.jstor.org/stable/162939?origin=JSTOR-pdf>.
- Hassan, S. A. (2017). Kedudukan wahyu dan akal dalam penghujahan berdasarkan ilmu Mantik. *Sains Humanika*, 9(4), 19-25. <https://doi.org/10.11113/sh.v9n4.1004>.
- Hourani, A. (1983). *Arabic thought in the liberal age 1798–1939*. Cambridge, UK: Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511801990>.
- Idris, M. A., Muhamad, H., & Ibrahim, R. Z. A. R. (2018). *Metodologi pendidikan sains sosial*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Iṣṭanbūlī, M. M. (1984). *Shaykh al-Shām Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī*. Beirut, Lebanon: Al-Maktab al-Islāmī.
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Puteri Resort Melaka, 28–29 Mac 2012. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru, Malaysia. Dicapai daripada https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif.
- Al-Jawziyyah, I. Q. (1968). *I‘lām al-muwaqqi ‘in ‘an rabb al-‘ālamīn*. Kaherah, Mesir: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Kamali, M. H. (2005). *Hadith studies: Terminology and authenticity*. Selangor, Malaysia: Islamic Book Trust.
- Kedourie, S. (1997). *Elie Kedourie, CBE, FBA 1926-1992: History, philosophy, politics*. London, UK: Routledge.
- Al-Khaṭīb, A. (t.th.). *Al-Shaykh Ṭāhir al-Jazā‘irī*. Kaherah, Mesir: Ma‘had Bu‘ūth wa al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah bi al-Qāhirah.
- Kūrđi ‘Alī, M. (2014). *Aqwālunā wa af‘alunā*. Kaherah, Mesir: Mu‘assasah Hindawī li al-Ta‘līm wa al-Thaqāfah.
- Lacey, A. R. (1996). *A dictionary of philosophy*. London, UK: Routledge.
- Lapidus, I. M. (2002). *A history of Islamic societies*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Mantran, R. (1996). *Great dates in Islamic history*. New York, NY: Fack on File Inc.
- Moussalli, A. S. (1999). *Moderate and radical Islamic fundamentalism: The quest for modernity, legitimacy, and the Islamic state*. Florida, USA: University Press of Florida.
- Al-Nabḥānī, T. (2002). *al-Dawlah al-Islāmiyyah*. Beirut, Lebanon: Dār al-Ummah.
- Nik Mat, N. H., Salleh, H. S., Yusuf, Y., Mohamed, W. N. H., & Noor, N. A. M. (2021). *Panduan penyelidikan ilmiah: Kaedah dan penulisan*. Sintok, Malaysia: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Norahida, M., Mat Mohamad, M. Z., Ismail, M. Z., & Hanafy, T. T. A. (2017). Education in the perspective of Muhammad Rashid Rida. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(8), 116-129. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i8/3213>.

- Al-Qāsimī, J. (1908). *Dalā'il al-tawhīd*. Damsyik, Syria: Maktabah al-Fayhā'.
- Al-Qāsimī, J. (1983). *Iṣlāḥ al-masājid min bidā' wa al-'awā'id*. Beirut: al-Maktab al-Islamī.
- Al-Qāsimī, J. (1913). *Awāmīr muḥimmah fī iṣlāḥ al-quḍhā' al-shar'ī*. Damsyik, Syria: Maktabah al-Taraqqī.
- Al-Qāsimī, J. (1914). *al-Istīnās li tashīḥi ankiḥat al-nās*. Damsyik, Syria: Maktabah al-Taraqqī.
- Al-Qāsimī, J. (1997). *Dalā'il al-Tawhīd*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Qāsimī, J. (2012). *Qawā'id al-taḥdīth min funūnī mustalāḥ al-ḥadīth*. Beirut, Lebanon: Mu'assasah al-Risālah Nāshirūn.
- Al-Ṣallābī, A. M. (2003). *Bangkit dan runtuhnya khilāfah 'Uthmāniyya*. Jakarta, Indonesia: Pustaka al-Khawthar.
- Rahman, F. (1966). *Islam garden city*. New York, NY: Doubleday & Co.
- Riḍā, R. (1914). Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī wa Manhajuhu. *Majallat al-Manār*.
- Riḍā, R. (1904). *Majallat al-Manār*. Vol. 7. Kaherah, Mesir: Maṭba'at al-Manār.
- Sarmīnī, M. A. (2010). *Al-Shaykh Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī wa Juhūduhu al-Ḥadīthīyah*. Beirut, Lebanon: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah.
- Siradj, S. A. (2014). *Islam kebangsaan: Fiqh demokratik kaum santri*. Jakarta, Indonesia: Fatma Press.
- Soude, K. (2024). Islamic reform and intellectual accountability: Insights from the life of Jamal al-Din al-Qasimi. *Progresiva: Jurnal Pemikiran dan Pendidikan Islam*, 13(3), 471-482. <https://doi.org/10.22219/progresiva.v13i03.38094>.
- Sudi, S., Md Sham, F., & Yama, P. (2017). Spiritual in the Quran: concepts and constructs: Spiritual di dalam al-Quran: konsep dan konstruk. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(1), 59-72. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v2i1.26>.
- Syarifuddin, A. (2012). *Uṣūl al-Fiqh*. Jakarta, Indonesia: PT Raja Grafindo Persada.
- Voll, J. O. (1994). *Islam: Continuity and change in the modern world*. New York, NY: Syracuse University Press.
- Weismann, I. (2001). *Taste of modernity: Sufism, salafiyya, and Arabism in late Ottoman Damascus*. Leiden: Brill.
- Williams, R. (1981). *Culture*. Glasgow, Scotland: Fontana.
- Yusuf, A. (2012). Islam and modernity: Remembering the contribution of Muhammad Abduh (1849-1905). *Islam and Civilisational Renewal*, 3(2), 355-369. <https://doi.org/10.52282/icr.v3i2.560>.
- Zāfir al-Qāsimī, J. (1965). *Jamāl al-Dīn al-Qāsimī wa 'Asruh*. Damsyik, Syria: Maktabah al-Ḥāshimiyyah.
- Zāfir, M. (t.th.). *Maktab anbar*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kathūlikīyah.
- Al-Ziriklī, K. D. (2002). *Al-A 'lām: Qāmūs tarājim li ashshārī al-rijāl wa al-nisā' min al-'Arab wa al-musta'ribīn wa al-mustashriqīn*. Beirut, Lebanon: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn.

Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

